




MAJLIS DAERAH KAMPAR

KENYATAAN SEBUTHARGA

- 1.0 Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat kerja-kerja sebutharga di Daerah Kampar, dipelawa untuk menyertai sebutharga di bawah ini:-

Bil.	No. Tawaran	Tajuk	Kelayakan Gred/ Pengkhususan	Harga Borang (RM)
1	MDKpr/SH/K/ 18-2024	Menurap Semula Jalan Yang Rosak Di Jalan Gopeng Baru 2, 3, 4, 5 & 6 Taman Gopeng Baru, Gopeng	G1 CE01, CE21	
2	MDKpr/SH/K/ 19-2024	Membaiki Jalan Yang Rosak Di Jalan 1/1, 1/6, 2/3 & 5/2 Kg. Baru Lawan Kuda	G1 CE01, CE21	
3	MDKpr/SH/K/ 20-2024	Menurap Semula Jalan Yang Rosak Di Jalan Kobis & Bendi, RPA 2 Malim Nawar, Malim Nawar	G1 CE01, CE21	
4	MDKpr/SH/K/ 21-2024	Menurap Semula Jalan Yang Rosak Di Jalan Bunga Anggerik, Bunga Orkid & Bunga Kekwa, Taman Malim Nawar, Malim Nawar	G1 CE01, CE21	50.00
5	MDKpr/SH/K/ 22-2024	Menurap Semula Jalan Yang Rosak Di Jalan Kelah, Tengas & Temoleh RPT Muhibbah, Malim Nawar	G1 CE01, CE21	
6	MDKpr/SH/K/ 23-2024	Menurap Semula Jalan Yang Rosak Di Jalan Emas 3, Taman Bandar Baru Kampar	G1 CE01, CE21	
7	MDKpr/SH/K/ 24-2024	Membaiki Permukaan Jalan Yang Rosak Di Jalan Batu Sinar, Bandar Baru Kampar	G1 CE01, CE21	

- 2.0. Dokumen Sebutharga boleh didapati pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka mulai **22 April 2024** dengan dikenakan bayaran bagi dokumen sebutharga mengikut harga yang tertera sebelum tarikh tutup.
- 3.0. Satu taklimat/lawatan tapak akan diadakan pada **23 April 2024 jam 9.30 pagi**. Kontraktor-kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** hadir ke Pejabat Majlis Daerah Kampar dengan membawa sijil **ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** oleh **CIDB serta Sijil Taraf Bumiputera (STB)** oleh **BPKU** yang masih sah tempoh. Perlu Surat Perwakilan Kuasa hadir lawatan tapak bagi mewakili mana-mana syarikat.
- 4.0. Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada syarikat yang hadir ke lawatan tapak sahaja dan wakil sah syarikat dengan menunjukkan dan mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa.
- 5.0. Dokumen sebutharga yang telah diisi dengan lengkapnya hendaklah dialamatkan kepada **Yang Dipertua, Majlis Daerah Kampar, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar, Jalan Iskandar, 31900 Kampar, Perak** dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Pejabat Majlis Daerah Kampar tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada **30 April 2024 (Selasa)**.
- 6.0. Majlis Daerah Kampar tidak terikat untuk menerima dokumen sebutharga yang terendah atau sebarang dokumen sebutharga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebutharga yang tidak terdapat di dalam Peti Tawaran setelah Peti Tawaran dibuka.



(AHMAD SUQAIRY BIN ALIAS)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kampar,
Kampar, Perak.